



**Bahagian A**

[Masa dicadangkan : 45 minit]

[ 30 markah ]

Lihat grafik di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang peranan Teknologi Maklumat dan Komunikasi ( TMK ) dalam kehidupan. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

**PERANAN TEKNOLOGI MAKLUMAT dan KOMUNIKASI ( TMK )**

**Bahagian B**

[ *Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit* ]

[ *100 markah* ]

**Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.**

1. Kes salah laku disiplin seperti vandalisme, buli dan tidak menghormati guru kerap berlaku di sekolah belakangan ini. Situasi ini menggambarkan amalan budaya penyayang semakin luntur dalam kalangan pelajar.

Sebagai seorang pelajar yang bertanggungjawab jelaskan peranan anda dalam memupuk budaya penyayang di sekolah.

2. Anda mengambil bahagian dalam pertandingan pidato peringkat sekolah. Tajuk pidato anda ialah “Ibu Bapa Pendorong Kepada Anak-anak dalam Merealisasikan Budaya Membaca.”

Sediakan teks pidato itu selengkapnya.

3. Gagasan 1Malaysia antara lainnya bertujuan untuk mengeratkan perpaduan kaum ke arah melahirkan negara yang aman, stabil, makmur dan dihormati oleh negara-negara lain.

Huraikan usaha-usaha yang dapat dilakukan oleh pelbagai pihak bagi mewujud dan mengekalkan perpaduan di negara ini.

4. Masalah pencemaran dan isu kemasuhan alam semakin membimbangkan masyarakat dunia akhir-akhir ini.

Bincangkan langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh negara-negara serantau bagi mengatasi masalah ini.

5. Peribahasa “Sudah terhantuk baru tengadah” membawa maksud sesudah mendapat kesusahan baru beringat-ingat.

Tulis sebuah cerita berdasarkan maksud peribahasa tersebut.

**KERTAS SOALAN TAMAT**

**Soalan 1 : Rumusan**  
[30 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang kepentingan penganjuran pesta buku dan cara-cara menarik minat pengunjung ke pesta buku. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Sabtu tahun banyak pihak termasuk agensi-agensi kerajaan yang telah menganjurkan pesta buku. Contoh terbaru ialah penganjuran Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur. Sepanjang pesta itu diadakan, kita melihat semangat kecintaan terhadap buku yang luar biasa. Mungkin yang kita lihat itu gambaran luaran semata-mata, tetapi sekurang-kurangnya kita dapat melihat manusia dari semua peringkat datang berbondong-bondong ke tempat pesta itu diadakan. Dianggarkan lebih daripada sejuta pengunjung telah membanjiri premis pesta berkenaan. Hal ini *memberi petunjuk kejayaan* dan kepentingan penganjurannya.

Dalam pesta buku, pengunjung berpeluang memilih pelbagai judul buku dalam pelbagai jenis bidang dan sub bidang ilmu. Namun sebaik sahaja pesta buku berakhir, peluang tersebut tidak muncul lagi, terutamanya bagi mereka yang tinggal di kawasan luar Bandar tetapi bagi mereka yang tinggal di bandar besar mereka boleh memilih ke kedai buku mega di gedung-gedung membeli belah untuk mendapatkan buku. Oleh itu, wajar sekali pesta buku dalam skala tertentu terus diadakan dari semasa ke semasa, bergerak dari sebuah bandar kecil ke sebuah bandar kecil yang lain. Tempoh pusingan setahun, sehingga munculnya Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur yang akan datang mampu meningkat dan mengekalkan momentum minat membeli dan membaca dalam kalangan masyarakat kita.

Pesta buku biasanya turut menawarkan potongan harga yang luar biasa bagi menarik minat orang ramai membeli buku dan membacanya. Pelbagai acara yang dianjurkan dalam pesta buku juga secara tidak langsung akan memperkenalkan penulis, penerbit, pengkritik dan personel lain yang terlibat dalam bidang ini. Acara-acara ini mendekatkan dunia industri pembukuan, kepengarangan dan apresiasi karya kepada khalayak. Malangnya selepas pesta, jarang-jarang kita mendengar adanya acara-acara seperti ini. Penganjuran acara-acara ini dari semasa ke semasa di pelbagai tempat yang strategik akan membantu menyuburkan dunia pembukuan dan yang lebih penting daya intelektual masyarakat dapat ditingkatkan Industri penerbitan yang merupakan tunjang kepada kejayaan penganjuran sesuatu pesta buku bukanlah semata-mata berfokus kepada keuntungan material, tetapi lebih kepada cara ilmu pengetahuan dapat disebarluaskan, dihidupkan dan dimanfaatkan oleh anggota masyarakat.

Akhir sekali, pesta buku akan memberi lebih banyak peluang kepada anggota masyarakat kita untuk mendapatkan bahan bacaan yang terkini dan bermutu sama ada dari dalam atau luar negara. Penyertaan penerbit atau pempamer dari luar negara akan turut mengangkat prestij Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur dan seterusnya mengekalkan momentum perkembangan minat membeli dan membaca dalam kalangan masyarakat.

(Dipetik dan diubahsuai daripada, *Pesta Buku Galak Minat Membaca Masyarakat*, oleh Dr. Anwar Ridhwan, dalam *Berita Minggu*, 20 Mei 2014)

**Soalan 2 : Pemahaman****[35 markah]****Soalan 2(a) - Petikan Umum**

*Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

- (i) Berikan maksud rangkai kata *tunjang kepada kejayaan*. **[2 markah]**
- (ii) Apakah fokus industri penerbitan yang merupakan tunjang kepada kejayaan penganjuran sesuatu pesta buku? **[3 markah]**
- (iii) Pada pendapat anda, bagaimanakah ibu bapa mampu memupuk budaya membaca dalam kalangan anak-anak? **[4 markah]**

**Soalan 2(b) – Petikan Drama**

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

SANI : Emak, cukuplah itu, emak. Abang dan kakak cuma tersilap. Ampunkan abang dan kakak, mak. Mereka anak-anak yang baik, mak. Kalau tidak masakan abang, kakak balik ke mari. Ampunkan abang, kakak, ya mak? (*Semua mata tertumpu kepada SANI*) Sani rasa, lebih baik kita pergi tengok bapa sekarang. Abang long, angah, abang alang, kak teh, mari kita jemput bapa balik. Mari emak. Inilah saat yang emak tunggu selama empat hari yang lalu. Tuhan kabulkan doa insan kamil seperti emak ini. Mari mak.

SABRI : Emak, mari kita jumpa bapa.

SALMAH : Mari emak. Kita raikan bapa.

SHAHRUL : Kita pergi sekarang, ia emak.

*SABARIAH memeluk kaki emaknya dan kemudian mendakap emaknya dengan tangisan sambil memohon restu.*

SABARIAH : Emak, Sabariah mohon ampun, emak. Sabariah minta ampun, mak. Sabariah baru sedar sekarang. Kasih sayang lebih penting daripada duit ringgit. Kasih sayang mengatasi segala-galanya. Kasih sayang emak terhadap anak bagaikan desiran ombak di laut. Entah bila akan ada akhirnya. Emmmaakkkk.

Dipetik dan diubahsuai daripada ;  
*Tiang Cengal Dinding Sayung* oleh; Suriani  
Mohd Yusof dalam antologi Dirgahayu Bahasaku,  
Dewan Bahasa Pustaka,

- (i) Berikan bukti yang menunjukkan Sabariah telah sedar akan kesilapannya? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah yang boleh dilakukan untuk memupuk kasih sayang dalam kalangan keluarga? [3 markah]
- (iii) Huraikan satu pengajaran dalam petikan drama di atas dan satu pengajaran daripada drama tersebut yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

**Soalan 2 (c) - Petikan Prosa Klasik**

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Sekali peristiwa pada suatu hari Khoja Maimun berkata-kata kepada unggas kedua akan perihal ehwal manfaat perniagaan di laut itu. Maka Khoja Maimun pun terlalu sangat berahinya hendak pergi belayar. Maka ia pun pergila mendapatkan isterinya seraya berkata, "Hai kekasihku, ketahuilah olehmu bahawa segala manusia ini tiada dapat berpindah juga dan tiada dicarikan manfaatnya pun kuranglah, kerana dirham itu menanggung segala pekerjaan! Akan sekarang hamba dengar perniagaan laut itu terlalu sangat besar labanya daripada perniagaan yang di darat ini. Akan sekarang berilah izin aku olehmu supaya aku pergi belayar." Maka sahut isterinya, " Sebenarnya kata tuan hamba itu, tetapi sungguhpun perniagaan itu *sangat besar labanya*, dan balanya pun amat besarnya dan banyak dugaan dalam dunia ini. Sehari berapa upahnya tuan pergi dari kerana harta dunia ini banyak yang mahal dan cemar di dalamnya dirham itu, sayang sekali kalau orang yang tidak tebal imannya dan ia seumpama air yang manis, makin diminum mungkin bertambah dahaga. Syahadan warnanya pun kuning seperti muka orang durjana.Jikalau tuan hamba hendak pergi belayar, akan sebaik-baiknya tuan hamba bawa juga hamba kerana hamba perempuan dan kita adalah seperti gusi dengan gigi adanya. Jikalau tiada gusi,gigi pun binasalah, demikianlah adanya."

(Dipetik daripada  
'Hikayat Khoja Maimun'  
dalam antologi *Harga Remaja*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah maksud rangkai kata *sangat besar labanya*?

[2 markah]

- (ii) Nyatakan sebab-sebab isteri Khoja Maimun ingin suaminya membawa dia bersama-sama dalam pelayarannya.

[3 markah]

- (iii) Sekiranya anda Khoja Maimun, adakah anda akan membawa isteri anda bersama-sama dalam pelayaran?

Nyatakan tiga alasan anda.

[3 markah]

**Soalan 2 (d)- Syair**

Baca syair di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikuinya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Syair Siti Sianah**

Setengahnya perempuan terlalu janggalnya,  
Roma di muka pula dicucuknya,  
Seperti taji beradam di keningnya,  
Kemudian memakai dengan selengkapnya.

Mengagak mengilai terlalu suka,  
Melihat laki-laki ditampakkan muka,  
Supaya laki-laki boleh menyangka,  
Ianya elok tiada terhingga.

Sesetengah perempuan sangat persolek,  
Berhias berdandan berpakaian molek,  
Di dalam cermin muka ditelek,  
Kanan dan kiri dibelek-belek.

Meskipun tiada berapa eloknya,  
Ada yang setengah kembang hidungnya,  
Serta pula kepik batangnya,  
Seperti buaya besar mulutnya.

Setengah perempuan perangainya cela,  
Habis dipenuhi rambut kepala,  
Rambut yang sikit disiputnya pula,  
Memakai cemara berjela-jela.

Terkandang muka dibubuh pupuri,  
Kaki dan tangan, lengan dan jari,  
Jadilah rupanya putih berseri,  
Pekerjaan tipu sangat digemari.

Sesetengah perempuan yang makan angkat,  
Memakai gelang beringkat-tingkat,  
Memandang laki-laki matanya lekat,  
Dengan jantan suka berdekat.

Kaki dan tangan dinaikkan pula,  
Pura-pura dikatakan ubat segala,  
Hakikatnya diketahui Allah Taala,  
Supaya laki-laki berhati gila.

Berlindunglah kita kepada Allah,  
Daripada perbuatan yang amat salah,  
Mudah-mudahan dilepaskanlah,  
Jangan menjadi betina sempolah.

Sesetengahnya suka bermain judi,  
Inilah perangai banyak terjadi,  
Habis tergadai intan serudi,  
Kerana perangai sudah membadi.

Laki-laki perempuan bertindih lutut,  
Banyaklah kelakuan yang tidak patut,  
Sembahyang ibadat sudahlah bantut,  
Kerana syaitan duduk dibuntut.

(Antologi antologi *Harga Remaja*, Dewan Bahasa Pustaka)

- (i) Berikan gambaran wanita yang terdapat dalam syair di atas. [3 markah]
- (ii) Dalam rangkap akhir syair ini ada dinyatakan tentang gejala sosial yang berlaku. Pada pandangan anda, apakah langkah-langkah yang dapat dilakukan bagi mengatasi gejala tersebut? [3 markah]
- (iii) Nyatakan pengajaran yang terdapat dalam syair tersebut. [3 markah]

**Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**  
[30 markah]

*Jawab semua soalan*

- a) Tulis **satu** ayat bagi setiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) rajin-rajin
- (ii) kerajinan
- (iii) bersih-bersih
- (iv) membersihkan
- (v) kata-kata
- (vi) mengatakan

[6 markah]

- (a) Cerakinkan ayat-ayat majmuk di bawah agar menjadi enam ayat tunggal dengan mengekalkan maksud dan susunannya.

Selain pertalian keluarga, hubungan persahabatan yang baik berupaya memperbaiki semua aspek dalam kehidupan kita. Hal ini bukan sahaja memberikan kegembiraan malah memperbaiki tahap kesihatan kita. Kajian saintifik mendapati menjalani hidup sendirian dan enggan membina hubungan dengan individu lain akan melemahkan imunisasi tubuh.

[6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Terapkan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar perlu dipupok bagi mewujudkan generasi berkebolehan yang mampu menghadapi cabaran pada masa depan.
- (ii) Kementerian Kesihatan mengesan pemilek bangunan yang menjual produk atau ubat tidak didaftar termasuk disyaki mengandungi racun berjadual.
- (iii) Rondaan yang sering dijalankan dikawasan itu telah dapat mengurangkan peluang kumpulan penjenayah untuk lakukan kegiatan mereka.

[6 markah]

- (d) *Dalam petikan di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

Usaha mendirikan kawasan luar bandar turut direalisasikan menerusi pelaksanaan berapa inisiatif baru. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah berusaha mengerakkan belia luar bandar dengan melaksanakan aktiviti Cabaran Perniagaan Luar Bandar yang mencari dan memberi peluang kepada belia merealisasikan idea berasaskan menterjemahkannya kepada suatu perniagaan berdaya maju. Usaha berkenaan diharapkan dapat menarik penyertaan lebih ramai belia-belia termasuk menggalakkan aktiviti ekonomi bagi menarik perhatian pemain swasta.

[6 markah]

- (e) *Baca maksud peribahasa di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan maksud peribahasa tersebut.*

- (i) Azmi sudah mati akal untuk mengubah perangai Azhar dan Raziq yang merupakan rakan sekerjanya. Kedua-dua orang rakannya pemalas. Sekali disuruh sekalilah mereka membuat kerja. Kemudian, mereka akan duduk berbual-bual menghabiskan waktu kerja.
- (ii) Semasa muda dahulu, Khairul merantau kemerata-rata tempat kerana dia bekerja dengan sebuah syarikat perkапalan Malaysia. Namun, sejak beberapa bulan yang lalu. Khairul enggan meninggalkan kampungnya lagi.
- (iii) Dalam perlawanan akhir bola sepak itu, pasukan Terengganu ketinggalan 0-3 sehingga ke minit 70. Namun begitu, hasil usaha yang gigih dan konsisten, pemain-pemain Terengganu berjaya menjaringkan empat gol. Akhirnya, mereka berjaya menewaskan pasukan Kelantan dengan kedudukan 4-3.

[6 markah]

**Soalan 4: Novel****[15 markah]**

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (i) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (ii) Papa... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof
- (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd. Hanafiah
- (iv) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- (vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
- (vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
- (viii) Sutera Dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan

- (a) Berdasarkan **sebuah** novel yang telah anda pelajari, huraikan **dua** latar masyarakat yang terdapat dalam novel tersebut.

**[ 7 markah ]**

- (b) Banyak peristiwa yang dipaparkan dalam sesebuah novel menggambarkan persoalan yang ingin disampaikan oleh pengarang.

Berdasarkan **dua buah** novel yang anda pelajari, huraikan **satu persoalan pengorbanan** yang terdapat dalam setiap novel.

**[ 8 markah ]****KERTAS SOALAN TAMAT**

## **GARIS PANDUAN KEPADA PEMERIKSA**

**BK 9 (Percubaan)  
SPM, 2014  
BAHASA MELAYU**

### **BAHAGIAN A**

*Lihat grafik di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang peranan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam kehidupan. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.*

*Diharapkan : calon dapat menghuraikan isi/idea tentang peranan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam kehidupan.*

Cadangan idea:

Berkongsi pendapat  
Memperoleh maklumat  
Menjanakan pendapatan

### **BAHAGIAN B**

#### **Soalan 1**

1. Kes salah laku disiplin seperti vandalisme, buli dan tidak menghormati guru kerap berlaku di sekolah belakangan ini. Situasi ini menggambarkan amalan budaya penyayang semakin luntur dalam kalangan pelajar.

Sebagai seorang pelajar yang bertanggungjawab jelaskan peranan anda dalam memupuk budaya penyayang di sekolah.

*Diharapkan : Calon dapat menjelaskan peranannya dalam memupuk budaya penyayang di sekolah.*

**Cadangan idea:**

- Mematuhi peraturan dan undang-undang sekolah
- Menjadi mata dan telinga kepada pihak sekolah
- Menyokong dan menjayakan program budaya penyayang di sekolah
- Menjadikan diri sebagai suri teladan
- Menjaga dan menaikkan imej sekolah

2. Anda mengambil bahagian dalam pertandingan pidato peringkat sekolah. Tajuk pidato anda ialah “Ibu Bapa Pendorong Kepada Anak-anak dalam Merealisasikan Budaya Membaca.”

Sediakan teks pidato itu selengkapnya.

**Format : Pidato**

- |            |            |
|------------|------------|
| -Alu-aluan | - 1 markah |
| -Kata hala | - 1 markah |
| -Penutup   | - 1 markah |

*Jika tiada format : tolak 2 markah maksimum*

**Diharapkan :** Calon dapat menulis teks pidato tentang peranan ibu bapa dalam merealisasikan budaya membaca.

**Cadangan idea:**

- ibu bapa sebagai suri teladan
- sediakan sudut bacaan/perpustakaan mini di rumah
- bawa anak-anak ke kedai buku/pameran buku
- membawa/menggalakkan anak-anak ke perpustakaan
- membeli/menghadiahkan bahan bacaan kepada anak-anak

3. Gagasan 1Malaysia antara lainnya bertujuan untuk mengeratkan perpaduan kaum ke arah melahirkan negara yang aman, stabil, makmur dan dihormati oleh negara-negara lain.

Huraikan usaha-usaha yang dapat dilakukan oleh pelbagai pihak bagi mewujud dan mengekalkan perpaduan di negara ini.

**Diharapkan :** Calon dapat menghuraikan usaha-usaha yang dapat dilakukan oleh pelbagai pihak bagi mewujud dan mengekalkan perpaduan di negara ini.

**Cadangan idea:**

- peranan individu-mematuhi peraturan dan undang-undang
- peranan masyarakat-bertoleransi
- melalui sistem pendidikan-bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar
  - penerapan semasa p dan p
  - kegiatan kokurikulum
- peranan media massa-kempen
- peranan kerajaan-melalui agensi-agensi tertentu
- peranan NGO

4. Masalah pencemaran dan isu kemasuhan alam semakin membimbangkan masyarakat dunia akhir-akhir ini.

Bincangkan langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh negara-negara serantau bagi mengatasi masalah ini.

**Diharapkan :** Calon dapat membincangkan langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh negara-negara serantau bagi mengatasi masalah pencemaran dan isu kemasuhan alam.

**Cadangan idea:**

- pertukaran maklumat
- pertukaran kepakaran
- perkongsian peralatan
- kerjasama negara-negara sempadan
- penguatkuasaan undang-undang
- peranan media massa
- peranan NGO

5. Peribahasa “Sudah terhantuk baru tengadah” membawa maksud sesudah mendapat kesusahan baru beringat-ingat.

Tulis sebuah cerita berdasarkan maksud peribahasa tersebut.

**Diharapkan :** Calon dapat menulis sebuah cerita berdasarkan peribahasa “Sudah terhantuk baru tengadah.”

**Format : Cerpen**

- |            |            |
|------------|------------|
| -Tajuk     | - 1 markah |
| -Pengarang | - 1 markah |

*Jika tiada format : tolak 2 markah maksimum*

**Cadangan idea:**

- bersesuaian dengan maksud peribahasa

**Soalan 1**

<b>Pendahuluan</b>	<b>Markah</b>
1. Petikan membincangkan kebaikan/ kelebihan/ faedah / manfaat/kesan positif/ maslahat penganjuran pesta buku kepada masyarakat Malaysia.	2
2. Petikan membincangkan kebaikan/ kelebihan/ kepentingan/ manfaat/ kesan positif/ maslahat penganjuran pesta buku.	1

**Isi Tersurat ( 4 hingga 12 markah)**

- |   |   |
|---|---|
| 1. pengunjung berpeluang memilih pelbagai judul buku dalam pelbagai bidang.                           | 2 |
| 2. mampu meneruskan momentum minat beli dan baca dalam kalangan masyarakat                            | 2 |
| 3. menawarkan potongan harga  | 2 |
| 4. akan memperkenalkan penulis, penerbit, pengkritik dan personel lain yang terlibat dalam bidang ini | 2 |
| 5. mendekatkan dunia industri perbukuan, kepengarangan dan apresiasi karya kepada khalayak            | 2 |
| 6. membantu menyuburkan dunia pembukuan   | 2 |
| 7. daya intelektual masyarakat dapat ditingkat.   | 2 |
| 8. peluang kepada anggota masyarakat kita untuk mendapatkan bahan bacaan yang terkini                 | 2 |
| 9. peluang kepada anggota masyarakat kita untuk mendapatkan bahan bacaan yang bermutu                 | 2 |

**Isi Tersirat ( 4 hingga 12 markah)**

- |  |   |
|--|---|
| 1. diadakan di tempat-tempat yang strategik / mudah dikunjungi                 | 2 |
| 2. dilangsungkan semasa cuti persekolahan / cuti hujung minggu                 | 2 |
| 3. melibatkan lebih banyak penerbit / pihak yang terlibat dengan industri buku | 2 |
| 4. menganjurkan acara-acara sampingan yang menarik                             | 2 |
| 5. menyediakan hadiah / cabutan bertuah kepada pengunjung                      | 2 |

**Penutup**

- |   |   |
|---|---|
| 1. Kesimpulannya, penganjuran pesta buku perlu diteruskan agar sasaran untuk mewujudkan masyarakat membaca menjadi kenyataan. | 2 |
| 2. Kesimpulannya, semua pihak perlu menyedari kepentingan penganjuran pesta buku agar masyarakat berilmu dapat dilahirkan.    | 2 |

**Soalan 2 : Pemahaman****[35 markah]****Soalan 2(a) - Petikan Umum**

- (i) Maksud rangkai kata *memberi petunjuk kejayaan* ialah  
- sebagai/ menyediakan petanda / rujukan kecemerlangan/ kemenangan [2 markah]

- (ii) Fokus industri penerbitan  
- keuntungan material,  
- cara ilmu pengetahuan dapat disebarluaskan,  
- cara ilmu pengetahuan dapat dihidupkan  
- cara ilmu pengetahuan dapat dimanfaatkan

[Maksimum 3 markah]

- (iii) Cara untuk menggalakkan minat membaca dalam kalangan kanak-kanak;  
- ibu bapa menunjukkan teladan suka membaca  
- meluangkan masa untuk membaca bersama anak-anak  
- menyediakan ruang membaca di rumah  
- beli buku bergambar / bewarna yang menarik  
- selalu membawa anak ke kedai buku  
- selalu membawa anak ke perpustakaan

[Maksimum 3 markah]

**Soalan 2(b) – Petikan Drama**

- i. Sabariah memohon ampun kepada emaknya (1m)

Menyedari kasih sayang lebih penting daripada wang (1m)

Kasih sayang ibu tiada penghujung ( 1m)

[maksimum 2 markah]

- ii. Menghormati antara satu sama lain (1m)

Sentiasa bertolak ansur antara satu sama lain (1m)

Menjaga hati orang yang lebih tua (1m)

Sentiasa memberi sokongan sekiranya ada ahli dalam kesusahan (1m)

Menjaga hati ibu bapa (1m)

Maksima (3m) terima mana-mana jawapan yang difikirkan sesuai

- (iii) -Kita hendaklah memaafkan kesalahan orang (2m)  
 -Kita perlulah memohon kemaafan sekiranya melakukan kesalahan (2m)  
 (Pengajaran berdasarkan petikan)  
 -Kita hendaklah menjaga hubungan kekeluargaan (2m)  
 -Kita hendaklah tidak berputus asa dalam melakukan sesuatu perkara (2m)  
 (pengajaran drama- terima mana-mana pengajaran drama yang difikirkan sesuai)  
 -Maksimum markan (4m)

**Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Klasik****Markah**

- (i) Maksud rangkai kata *sangat besar labanya*

- Terlalu/amat/banyak untungnya 2

**[Maksimum : 2 markah]**

- (ii) Sebab-sebab isteri Khoja Maimun ingin suaminya membawa dia bersama-sama dalam pelayarannya.

- Kerana membawa dirinya bersama-sama ialah satu tindakan terbaik 1
- Kerana dia seorang perempuan 1
- dan dia mengumpamakan dirinya dengan suaminya saling memerlukan seperti gusi dengan gigi 1
- kerana dirinya dan suami tidak boleh berpisah,ibarat kalau tiada gusi,gigi pun binasalah 1

**[Maksimum : 3 markah]**

- (iii) Sekiranya anda Khoja Maimun, adakah anda akan membawa isteri anda bersama-sama dalam pelayaran?

Sekiranya ingin membawa isteri.

Tiga alasan anda.

- Bimbang keselamatan isteri jika ditinggalkan 1
- Ingin isteri sama-sama mengikuti pengalaman dalam pelayaran 1
- Tidak sampai hati dengan permintaan isterinya 1

Sekiranya tidak mahu membawa isteri.  
Tiga alasan anda.

- Pelayaran yang penuh bahaya,tidak sesuai membawa perempuan 1
- Terlalu sayang akan isteri, tidak mahu isteri menempuh bahaya dalam pelayaran. 1
- Isteri tidak perlu dibawa kerana tugas seorang isteri adalah menguruskan rumah tangga 1

**Maksimum : 3 Markah]**

Jawapan 2 (d)

- i) - Mencukur bulu keping sehingga tajam (1m)
  - Ketawa mengilai-gilai (1m)
  - Menunjuk-nunjuk rupa paras kepada lelaki (1m)
  - Suka bersolek/berdandan/berhias (1m)  
*markah maksima (3m)*
- ii) - Taat akan suruhan agama (1m)
  - Program keagamaan perlu lebih banyak/kerap (1m)
  - Ibu bapa perlu mengawasi anak-anak (1m)
  - Peranan guru/NGO dan sebagainya dalam memberi kesedaran (1m)
  - Kecaknaan masyarakat terlibat dalam pencegahan (1m)
  - Peranan media dalam melaksanakan kempen bahaya gejala sosial (1m)
  - Pihak berkuasa perlu lebih tegas dalam mengenakan tindakan (1m)  
*markah maksima 3 (m) terima mana-mana jawapan yang sesuai*
- iii) Pengajaran ;
  - Kita mestilah taat kepada Allah/mengikuti suruhan Allah (1m)
  - Kita mestilah tawakal/berserah (1m)
  - Kita mestilah melakukan kebaikan (1m)

( Terima mana-mana pengajaran yang sesuai)

**Soalan 3**

Markah penuh **30** markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a) : **6** markah

Soalan 3(b) : **6** markah

Soalan 3(c) : **6** markah

Soalan 3(d) : **6** markah

Soalan 3(e) : **6** markah

**Perhatian bagi Soalan 3(a)**

Beri **1 markah** bagi setiap ayat yang betul. Tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / isi yang tidak begitu jelas bagi keseluruhan markah jawapan.

1. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan **0 markah**.
2. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan **0 markah**.
3. Jika memberi makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh **1 markah**.
4. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi setiap ayat.
5. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
6. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
7. Isi tidak jelas, tolak  $\frac{1}{2}$  markah.
8. Sengaja menambah imbuhan atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan **0 markah**.

**Jawapan 3 (a) :**

- i. Cucu Mak Timah *rajin-rajin* belaka, terutamanya ketika membantunya di kedai makan.
- ii. Nilai *kerajinan* perlu dipupuk dalam setiap jiwa anak-anak untuk mengejar kejayaan.
- iii. Kedai makan di Hentian Rehat dan Rawat itu *bersih-bersih* belaka dan menjual pelbagai makanan.
- iv. Penduduk kampung bergotong-royong *membersihkan* kawasan persekitaran pada setiap hujung bulan.
- v. Ibu selalu memberikan *kata-kata* nasihat setiap kali saya ingin mengambil peperiksaan pada setiap semester.
- vi. Ayah *mengatakan* dia amat terkejut selepas menerima berita kemalangan ngeri di lebuh raya itu.

[ Maksimum : **6** markah ]

**Jawapan 3 (b) :**

Jawapan:

- Pertalian keluarga berupaya memperbaiki semua aspek dalam kehidupan kita.
- Hubungan persahabatan yang baik berupaya memperbaiki semua aspek dalam kehidupan kita.
- Hal ini memberikan kegembiraan.
- Hal ini dapat memperbaiki tahap kesihatan kita.
- Kajian saintifik mendapati menjalani hidup sendirian akan melemahkan imunisasi tubuh.
- Kajian saintifik mendapati enggan membina hubungan dengan individu lain akan melemahkan imunisasi tubuh

[Maksimum : 6 markah]

**3(c) Kesalahan imbuhan dan ejaan**

(i)	terapkan	- penerapan/menerapkan
	dipupok	- dipupuk
(ii)	pemilek	- pemilik
	didaftar	- berdaftar
(iii)	dikawasan	- di kawasan
	Lakukan	- melakukan

[Maksimum : 6 Markah]

**3(d) Kesalahan kata atau Istilah dan Kesalahan Tatabahasa**

(i)	mendirikan	- membangunkan
	berapa	- beberapa
(ii)	aktiviti	- program
	pada	- kepada
(iii)	ramai belia - belia	- ramai belia
	Pemain	- pelabur

[Maksimum : 6 markah]

## 3(e) Peribahasa

- i. Bagai pahat dengan penukul
- ii. Seperti belut pulang ke lumpur/seperi ikan pulang ke lubuk
- iii. Seperti cencaru makan petang

[Maksimum : 6 Markah]

## Soalan 4

[ Markah penuh 15 markah ]

## Panduan Pemarkahan Bagi Soalan 4

- (a) (i) Jawapan berdasarkan satu daripada novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- (iii) Berikan 1 markah untuk pernyataan isi yang lengkap/jelas.
- (iv) Berikan 1 markah untuk huraihan isi yang lengkap/jelas.
- (v) Markah isi maksimum 4 markah.
- (vi) Markah bahasa maksimum 3 markah.

[ Maksimum : 7 markah ]

- (b) (i) Jawapan berdasarkan dua novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- (iii) Berikan 1 markah untuk persoalan pengorbanan yang lengkap/jelas.
- (iv) Berikan 2 markah untuk huraihan persoalan pengorbanan yang lengkap/jelas.
- (v) Markah isi maksimum 6 markah.
- (vi) Markah bahasa maksimum 2 markah.

[ Maksimum : 8 markah ]

(b) Persoalan Pengorbanan

Novel Renyah

1. Persoalan pengorbanan seorang rakyat terhadap negara

... Datuk Dolhi menggunakan barang buatan tempatan seperti kereta Limousin Saga dan baju batik Kelantan meskipun beliau mampu membeli barang import demi membantu membangunkan ekonomi negara.

2. Persoalan pengorbanan anak terhadap ayah

... Wahi berkorban usia remaja dan kesenangan hidup dengan tinggal bersama-sama neneknya dan tidak menuntut hak sebagai anak Datuk Dolhi kerana tidak mahu mengganggu kebahagiaan keluarga Datuk Dolhi.

3. Persoalan pengorbanan seorang isteri terhadap suami

... Mastura sanggup merahsiakan statusnya sebagai isteri kedua Datuk Dolhi dan sanggup hidup dalam kepayaan serta keterasingan sehingga dituduh sebagai perempuan simpanan.

4. Persoalan pengorbanan bapa terhadap anak

... Datuk Dolhi berkorban masa menghadiri majlis anugerah pendidik terbaik yang dimenangi oleh Amera di Dewan Jubli Intan meskipun dia sibuk dengan perniagaan

Novel Sutera Dalam Lukisan

1. Persoalan pengorbanan anak terhadap ibu bapa

... Bujei berkorban nyawa demi menyelamatkan ibunya yang terperangkap dalam kebakaran rumah mereka.

2. Persoalan pengorbanan seorang sahabat

... Adila berkorban masa, tenaga dan jiwa untuk memastikan Bujei kembali normal meskipun berhadapan pelbagai rintangan.

3. Persoalan pengorbanan seorang saudara seagama

... Wak Senen rela menyerahkan tanah pusaka arwah ibu Bujei kembali yang dibelinya daripada Harun kerana bagi Wak Senen, Bujei lebih berhak atas tanah tersebut.

4. Pengorbanan ibu terhadap anak

... Ibu Bujei, Fatimah membawa Bujei berpindah ke kampung untuk memulihkan semangatnya selepas ayah Bujei meninggal dunia dalam satu kemalangan jalan raya di Lebuh Raya Karak. .

(Terima mana-mana persoalan pengorbanan lain yang sesuai)

**SKEMA PEMARKAHAN TAMAT**

## Soalan 1

## Pendahuluan

## Markah

1. Petikan membincangkan kebaikan/ kelebihan/ faedah / manfaat/kesan positif/ maslahat penganjuran pesta buku kepada masyarakat Malaysia. 2
2. Petikan membincangkan kebaikan/ kelebihan/ kepentingan/ manfaat/ kesan positif/ maslahat penganjuran pesta buku. 1

## Isi Tersurat ( 4 hingga 12 markah)

1. pengunjung berpeluang memilih pelbagai judul buku dalam pelbagai bidang. 2
2. mampu meneruskan momentum minat beli dan baca dalam kalangan masyarakat 2
3. menawarkan potongan harga 2
4. akan memperkenalkan penulis, penerbit, pengkritik dan personel lain yang terlibat dalam bidang ini 2
5. mendekatkan dunia industri perbukuan, kepengarangan dan apresiasi karya kepada khalayak 2
6. membantu menyuburkan dunia pembukuan 2
7. daya intelektual masyarakat dapat ditingkat. 2
8. peluang kepada anggota masyarakat kita untuk mendapatkan bahan bacaan yang terkini 2
9. peluang kepada anggota masyarakat kita untuk mendapatkan bahan bacaan yang bermutu 2

## Isi Tersirat ( 4 hingga 12 markah)

1. diadakan di tempat-tempat yang strategik / mudah dikunjungi 2
2. dilangsungkan semasa cuti persekolahan / cuti hujung minggu 2
3. melibatkan lebih banyak penerbit / pihak yang terlibat dengan industri buku 2
4. menganjurkan acara-acara sampingan yang menarik 2
5. menyediakan hadiah / cabutan bertuah kepada pengunjung 2

## Penutup

1. Kesimpulannya, penganjuran pesta buku perlu diteruskan agar sasaran untuk mewujudkan masyarakat membaca menjadi kenyataan. 2
2. Kesimpulannya, semua pihak perlu menyedari kepentingan penganjuran pesta buku agar masyarakat berilmu dapat dilahirkan. 2

**Soalan 2 : Pemahaman****[35 markah]****Soalan 2(a) - Petikan Umum**

- (i) Maksud rangkai kata *memberi petunjuk kejayaan* ialah  
- sebagai/ menyediakan petanda / rujukan kecemerlangan/ kemenangan [2 markah]
- (ii) Fokus industri penerbitan  
- keuntungan material,  
- cara ilmu pengetahuan dapat disebarluaskan,  
- cara ilmu pengetahuan dapat dihidupkan  
- cara ilmu pengetahuan dapat dimanfaatkan  
[Maksimum 3 markah]
- (iii) Cara untuk menggalakkan minat membaca dalam kalangan kanak-kanak;  
- ibu bapa menunjukkan teladan suka membaca  
- meluangkan masa untuk membaca bersama anak-anak  
- menyediakan ruang membaca di rumah  
- beli buku bergambar / bewarna yang menarik  
- selalu membawa anak ke kedai buku  
- selalu membawa anak ke perpustakaan  
[Maksimum 8 markah]  
<sup>4</sup>

**Soalan 2(b) – Petikan Drama**

- i. Sabariah memohon ampun kepada emaknya (1m)  
Menyedari kasih sayang lebih penting daripada wang (1m)  
Kasih sayang ibu tiada penghujung ( 1m)  
[maksimum 2 markah]
- ii. Menghormati antara satu sama lain (1m)  
Sentiasa bertolak ansur antara satu sama lain (1m)  
Menjaga hati orang yang lebih tua (1m)  
Sentiasa memberi sokongan sekiranya ada ahli dalam kesusahan (1m)  
Menjaga hati ibu bapa (1m)  
Maksima (3m) terima mana-mana jawapan yang difikirkan sesuai  
[Maksimum 3 markah]

- (iii) -Kita hendaklah memaafkan kesalahan orang (2m)  
-Kita perlulah memohon kemaafan sekiranya melakukan kesalahan (2m)  
(Pengajaran berdasarkan petikan)  
-Kita hendaklah menjaga hubungan kekeluargaan (2m)  
-Kita hendaklah tidak berputus asa dalam melakukan sesuatu perkara (2m)  
(pengajaran drama- terima mana-mana pengajaran drama yang difikirkan sesuai)  
-Maksimum markan (4m)

**Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Klasik****Markah**

- (i) Maksud rangkai kata *sangat besar labanya*

- Terlalu/amat/banyak untungnya 2

**[Maksimum : 2 markah]**

- (ii) Sebab-sebab isteri Khoja Maimun ingin suaminya membawa dia bersama-sama dalam pelayarannya.

- Kerana membawa dirinya bersama-sama ialah satu tindakan terbaik 1
- Kerana dia seorang perempuan 1
- dan dia mengumpamakan dirinya dengan suaminya saling memerlukan seperti gusi dengan gigi 1
- kerana dirinya dan suami tidak boleh berpisah,ibarat kalau tiada gusi,gigi pun binasalah 1

**[Maksimum : 3 markah]**

- (iii) Sekiranya anda Khoja Maimun, adakah anda akan membawa isteri anda bersama-sama dalam pelayaran?

Sekiranya ingin membawa isteri.

Tiga alasan anda.

- Bimbang keselamatan isteri jika ditinggalkan 1
- Ingin isteri sama-sama mengikuti pengalaman dalam pelayaran 1
- Tidak sampai hati dengan permintaan isterinya 1

Sekiranya tidak mahu membawa isteri.

Tiga alasan anda.

- Pelayaran yang penuh bahaya,tidak sesuai membawa perempuan 1
- Terlalu sayang akan isteri, tidak mahu isteri menempuh bahaya dalam pelayaran. 1
- Isteri tidak perlu dibawa kerana tugas seorang isteri adalah menguruskan rumah tangga 1

**Maksimum : 3 Markah]**

Jawapan 2 (d)

- i) - Mencukur bulu keping sehingga tajam (1m)
  - Ketawa mengilai-gilai (1m)
  - Menunjuk-nunjuk rupa paras kepada lelaki (1m)
  - Suka bersolek/berdandan/berhias (1m)  
*markah maksima (3m)*
- ii) - Taat akan suruhan agama (1m)
  - Program keagamaan perlu lebih banyak/kerap (1m)
  - Ibu bapa perlu mengawasi anak-anak (1m)
  - Peranan guru/NGO dan sebagainya dalam memberi kesedaran (1m)
  - Kecaknaan masyarakat terlibat dalam pencegahan (1m)
  - Peranan media dalam melaksanakan kempen bahaya gejala sosial (1m)
  - Pihak berkuasa perlu lebih tegas dalam mengenakan tindakan (1m)  
*markah maksima 3 (m) terima mana-mana jawapan yang sesuai*
- iii) Pengajaran ;
  - Kita mestilah taat kepada Allah/mengikuti suruhan Allah (1m)
  - Kita mestilah tawakal/berserah (1m)
  - Kita mestilah melakukan kebaikan (1m)

( Terima mana-mana pengajaran yang sesuai)

**Soalan 3**

Markah penuh **30** markah dibahagikan kepada:

- Soalan 3(a) : **6** markah  
Soalan 3(b) : **6** markah  
Soalan 3(c) : **6** markah  
Soalan 3(d) : **6** markah  
Soalan 3(e) : **6** markah

**Perhatian bagi Soalan 3(a)**

Beri **1 markah** bagi setiap ayat yang betul. Tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / isi yang tidak begitu jelas bagi keseluruhan markah jawapan.

1. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan **0 markah**.
2. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan **0 markah**.
3. Jika memberi makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh **1 markah**.
4. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi setiap ayat.
5. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
6. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
7. Isi tidak jelas, tolak  $\frac{1}{2}$  markah.
8. Sengaja menambah imbuhan atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan **0 markah**.

**Jawapan 3 (a) :**

- i. Cucu Mak Timah *rajin-rajin* belaka, terutamanya ketika membantunya di kedai makan.
- ii. Nilai *kerajinan* perlu dipupuk dalam setiap jiwa anak-anak untuk mengejar kejayaan.
- iii. Kedai makan di Hentian Rehat dan Rawat itu *bersih-bersih* belaka dan menjual pelbagai makanan.
- iv. Penduduk kampung bergotong-royong *membersihkan* kawasan persekitaran pada setiap hujung bulan.
- v. Ibu selalu memberikan *kata-kata* nasihat setiap kali saya ingin mengambil peperiksaan pada setiap semester.
- vi. Ayah *mengatakan* dia amat terkejut selepas menerima berita kemalangan ngeri di lebuh raya itu.

[ Maksimum : **6** markah ]

**Jawapan 3 (b) :**

Jawapan:

- Pertalian keluarga berupaya memperbaiki semua aspek dalam kehidupan kita.
- Hubungan persahabatan yang baik berupaya memperbaiki semua aspek dalam kehidupan kita.
- Hal ini memberikan kegembiraan.
- Hal ini dapat memperbaiki tahap kesihatan kita.
- Kajian saintifik mendapati menjalani hidup sendirian akan melemahkan imunisasi tubuh.
- Kajian saintifik mendapati enggan membina hubungan dengan individu lain akan melemahkan imunisasi tubuh

**[Maksimum : 6 markah]****3(c) Kesalahan imbuhan dan ejaan**

(i)	terapkan	- penerapan/menerapkan
	dipupok	- dipupuk
(ii)	pemilek	- pemilik
	didaftar	- berdaftar
(iii)	dikawasan	- di kawasan
	Lakukan	- melakukan

**[Maksimum : 6 Markah]****3(d) Kesalahan kata atau Istilah dan Kesalahan Tatabahasa**

(i)	mendirikan	- membangunkan
	berapa	- beberapa
(ii)	aktiviti	- program
	pada	- kepada
(iii)	ramai belia - belia	- ramai belia
	Pemain	- pelabur

**[Maksimum : 6 markah]**

**3(e) Peribahasa**

- i. Bagai pahat dengan penukul
- ii. Seperti belut pulang ke lumpur/seperi ikan pulang ke lubuk
- iii. Seperti cencaru makan petang

**[Maksimum : 6 Markah]****Soalan 4****[ Markah penuh 15 markah ]****Panduan Pemarkahan Bagi Soalan 4**

- (a) (i) Jawapan berdasarkan satu daripada novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- (iii) Berikan 1 markah untuk pernyataan isi yang lengkap/jelas.
- (iv) Berikan 1 markah untuk huraian isi yang lengkap/jelas.
- (v) Markah isi maksimum 4 markah.
- (vi) Markah bahasa maksimum 3 markah.

**[ Maksimum : 7 markah ]**

- (b) (i) Jawapan berdasarkan dua novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- (iii) Berikan 1 markah untuk persoalan pengorbanan yang lengkap/jelas.
- (iv) Berikan 2 markah untuk huraian persoalan pengorbanan yang lengkap/jelas.
- (v) Markah isi maksimum 6 markah.
- (vi) Markah bahasa maksimum 2 markah.

**[ Maksimum : 8 markah ]**

**4(a) Latar Masyarakat****Novel Renyah**

- 1. Masyarakat yang tabah menghadapi cabaran**
  - ... Datuk Dolhi tetap tabah menghadapi pelbagai keranah anak-anaknya yang menjatuhkan maruah keluarga dan perniagaannya, kehilangan Mastura dan keranah Datin Tominah yang kuat cemburu.
  - ... Wahi tabah menjalani kehidupan bersama neneknya tanpa ibu dan ayah di samping sejak kecil.
  - ... Mastura tabah menjadi isteri kedua Datuk Dolhi walaupun dituduh sebagai perempuan simpanan.
- 2. Masyarakat yang cinta akan negara / patriotik**
  - ... Datuk Dolhi mengutamakan barang tempatan, contohnya Limousin Saga dan baju batik Kelantan meskipun beliau mampu membeli barang berjenama dari luar negara.
  - ... Amera mendidik anak bangsa menjadi insan cemerlang dan seimbang.
- 3. Masyarakat yang gigih berusaha untuk mencapai cita-cita**
  - ... Datuk Dolhi gigih bekerja dan menyusun strategi untuk memajukan Dolhi-Albert Holding.
  - ... Wahi gigih memajukan diri mengikuti kursus di luar negeri sehingga dia diberi kepercayaan menerajui perniagaan Dolhi-Albert Holding bagi menggantikan Datuk Dolhi.
  - ... Amera gigih menjalankan tanggungjawabnya sebagai guru sehingga dia terpilih sebagai Tokoh Guru Cemerlang Negeri.
- 4. Masyarakat yang sayang akan keluarga**
  - ... Datuk Dolhi dan Datin Tominah sayang akan anak-anak dan berusaha menyelamatkan Hasnol, Mukhlis, Ilham dan Dani yang terlibat dengan gejala negatif.
  - ... Puan Eric sayang akan keluarganya sehingga sanggup melepaskan jawatan sebagai pensyarah untuk mendidik sendiri anak-anaknya demi menjamin masa depan mereka.
- 5. Masyarakat yang berani bertindak demi kebaikan.**
  - ... Datuk Dolhi berani membuat keputusan melantik Wahi sebagai penggantinya dalam Dolhi-Albert Holding meskipun tidak disenangi oleh Albert Lee.
  - ... Amera berani menegur Ilham dan Dani yang tidak mahu bekerja dan hanya mundar-mandir.
  - ... Wahi berani berjumpa ayah Yuka untuk melamar Yuka menjadi isterinya.
- 6. Masyarakat yang khianat kepada negara**
  - ... Tengku Munir ingin memperoleh semua tender kerajaan yang disertai oleh syarikatnya dengan memberikan rasuah kepada Hasnol.
  - ... Hasnol, seorang pegawai kerajaan sanggup menerima rasuah daripada Tengku Munir untuk kepentingan diri sendiri.
  - ... Ilham menjadi pengkhianat negara kerana memburuk-burukkan kerajaan Malaysia di luar negara berkaitan aktiviti pelestarian alam sekitar.

7. **Masyarakat majmuk**
  - ... Keluarga Datuk Dolhi mewakili bangsa Melayu, Albert Lee mewakili bangsa Cina dan Yuka mewakili bangsa Jepun.
8. **Masyarakat yang mementingkan ilmu pengetahuan.**
  - ... Datuk Dolhi rajin membaca buku-buku pengetahuan untuk rujukan sebelum menyampaikan ceramah.
  - ... Datuk Dolhi sentiasa mementingkan ilmu dan pengetahuan dalam memajukan perniagaannya
  - ... Wahi berkursus di Jepun untuk mendalami ilmu pengetahuan dalam bidang perniagaan.

### **Novel Sutera dalam Lukisan**

1. **Masyarakat yang sayang akan keluarga**
  - ... Ibu dan nenek Bujei sayang akan Bujei sehingga kasih sayang tersebut menjadikan Bujei kembali segar dengan semangat dan harapan setelah kehilangan ayahnya dalam satu kemalangan jalan raya.
2. **Masyarakat yang sabar / tabah menghadapi cabaran hidup**
  - ... Bujei sabar / tabah dengan ejekan dan penghinaan orang kampung terhadapnya, terutama daripada Alias
  - ... Adila sabar / tabah menghadapi fitnah yang mengatakan dia menghidap penyakit AIDS dan melakukan perkara sumbang dengan Bujei.
3. **Masyarakat yang menghormati orang lain**
  - ... Adila amat menghormati keluarga Sidang Saman sepanjang tinggal bersama keluarga bapa saudaranya itu.
  - ... Sepanjang perkenalan dengan Bujei, Adila melayan Bujei dengan penuh sopan. Adila memanggil Bujei dengan panggilan nama sebenarnya, Hafiz.
4. **Masyarakat yang ikhlas membantu orang lain**
  - ... Adila ikhlas berkawan dan menolong Bujei menjadi manusia yang normal.
  - ... Bujei ikhlas menolong mengemas peralatan perkahwinan di rumah Sidang Saman.
5. **Masyarakat yang cinta akan negara**
  - ... Bujei bercita-cita menjadi tentera seperti arwah ayahnya.
  - ... Bujei menyanyikan lagu Bahtera Merdeka, lagu yang bertemakan cinta akan tanah air.
6. **Masyarakat yang berani mengambil tindakan**
  - ... Bujei berani tampil ke pentas untuk menyampaikan lagu yang diminta oleh seorang peminat rahsia dan membuktikan dia seorang yang normal.
  - ... Bujei berani menentang Alias yang selama ini sering menindasnya dan dianggap cukup berkuasa.
  - ... Bujei berani mempertahankan haknya dengan meminta Alias mengganti radio yang telah dirosakkannya.

**7. Masyarakat yang tolong-menolong**

- ... Orang kampung menolong Sidang Saman menjayakan majlis perkahwinan Same'ah.
- ... Bujei sering menolong orang kampung ketika kenduri-kendara.

**8. Masyarakat yang bertanggungjawab**

- ... Bujei berusaha menyelamatkan ibunya dalam kebakaran rumah mereka.
- ... Wak Senen berusaha mengembalikan semula tanah pusaka milik Bujei yang dibeli daripada Harun kerana berdasarkan undang-undang Wak Senen tidak berhak ke atas tanah tersebut.
- ... Mak Lamah bertanggungjawab memastikan Sidang Saman bersikap adil terhadap Bujei dan tidak membelaikan hukum syarak dalam mengendalikan harta anak yatim.

**9. Masyarakat yang murah hati**

- ... Wak Senen sering memberi wang kepada Bujei dan menganggap pemberian tersebut sebagai satu sedekah jariah.
- ... Adila menderma darahnya kepada Sahak yang cedera dalam kemalangan motosikal.
- ... Mak Som dan Mak Lamah sering menyediakan makanan untuk Bujei.

**10. Masyarakat yang mengenang budi**

- ... Bujei mengucapkan terima kasih kepada Adila yang telah membantu mengubah dirinya.
- ... Sidang Saman menghadiahkan persembahan pancaragam kepada orang kampung sebagai mengenang jasa mereka setelah menyempurnakan majlis perkahwinan Same'ah.

**11. Masyarakat yang berdikari**

- ... Bujei berdikari selepas kematian neneknya dengan menolong orang kampung membersih cawan susu getah dan memungut getah sekerap untuk mendapatkan upah bagi menyara hidupnya.
- ... Bujei juga menanam sayur di halaman rumahnya setelah mendapat semangat dan dorongan daripada Adila.

**12. Masyarakat yang suka menabur fitnah dan bercakap bohong.**

- ... Harun memberitahu orang kampung, Bujei yang menyebabkan rumah mereka terbakar sehingga Fatimah terkorban.
- ... Alias membohongi Bujei dengan mengatakan bahawa Adila tidak bermoral dan menghidap penyakit AIDS supaya Bujei menjauhi Adila.
- ... Alias membohongi Adila dengan mengatakan Bujei seorang yang bodoh, *moron*, berpenyakit kulit dan *maniac*.

*(Terima mana-mana latar masyarakat lain yang sesuai)*

(b) **Persoalan Pengorbanan**

**Novel Renyah**

**1. Persoalan pengorbanan seorang rakyat terhadap negara**

... Datuk Dolhi menggunakan barang buatan tempatan seperti kereta Limousin Saga dan baju batik Kelantan meskipun beliau mampu membeli barang import demi membantu membangunkan ekonomi negara.

**2. Persoalan pengorbanan anak terhadap ayah**

... Wahi berkorban usia remaja dan kesenangan hidup dengan tinggal bersama-sama neneknya dan tidak menuntut hak sebagai anak Datuk Dolhi kerana tidak mahu mengganggu kebahagiaan keluarga Datuk Dolhi.

**3. Persoalan pengorbanan seorang isteri terhadap suami**

... Mastura sanggup merahsiakan statusnya sebagai isteri kedua Datuk Dolhi dan sanggup hidup dalam kepayahan serta keterasingan sehingga dituduh sebagai perempuan simpanan.

**4. Persoalan pengorbanan bapa terhadap anak**

... Datuk Dolhi berkorban masa menghadiri majlis anugerah pendidik terbaik yang dimenangi oleh Amera di Dewan Jubli Intan meskipun dia sibuk dengan perniagaan

**Novel Sutera Dalam Lukisan**

**1. Persoalan pengorbanan anak terhadap ibu bapa**

... Bujei berkorban nyawa demi menyelamatkan ibunya yang terperangkap dalam kebakaran rumah mereka.

**2. Persoalan pengorbanan seorang sahabat**

... Adila berkorban masa, tenaga dan jiwa untuk memastikan Bujei kembali normal meskipun berhadapan pelbagai rintangan.

**3. Persoalan pengorbanan seorang saudara seagama**

... Wak Senen rela menyerahkan tanah pusaka arwah ibu Bujei kembali yang dibelinya daripada Harun kerana bagi Wak Senen, Bujei lebih berhak atas tanah tersebut.

**4. Pengorbanan ibu terhadap anak**

... Ibu Bujei, Fatimah membawa Bujei berpindah ke kampung untuk memulihkan semangatnya selepas ayah Bujei meninggal dunia dalam satu kemalangan jalan raya di Lebuh Raya Karak. .

*( Terima mana-mana persoalan pengorbanan lain yang sesuai )*

**SKEMA PEMARKAHAN TAMAT**